A

Quah Chong Hoo lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–90 TAHUN 2007
ZAINAL AZMAN PK
24 JUNE 2009

C

Prosedur Jenayah — Hukuman — Memiliki cagaran bernilai yang diketahui palsu dengan niat untuk menggunakannya sebagai tulen — Sama ada hukuman penjara dua tahun setimpal

D

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan — Memiliki cagaran bernilai yang diketahui palsu dengan niat untuk menggunakannya sebagai tulen — Sama ada hukuman penjara dua tahun nyata berlebihan

E

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 474 — Memiliki cagaran bernilai yang diketahui palsu dengan niat untuk menggunakannya sebagai tulen — Elemen-elemen kesalahan — Hukuman setimpal

F

Perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah s 474 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Dia dihukum penjara selama dua tahun dan telah merayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan:

G

(1) Di bawah s 474 Kanun, elemen-elemen yang perlu dibuktikan ialah: (a) kad kredit dalam milikan perayu adalah palsu; (b) perayu tahu bahawa ia palsu; (c) kad kredit tersebut adalah cagaran berharga; dan (d) perayu berniat menggunakan dengan cara tipuan atau dengan curangnya sebagai tulen (lihat perenggan 11).

H

(2) Hakim bicara adalah betul untuk menolak keterangan perayu sebagai satu 'afterthought' kerana keterangan ini tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan. Hakim bicara adalah betul dan tidak terkhilaf dari segi fakta mahupun undang-undang (lihat perenggan 22 & 26). *Megat Halim Megat Omar v Pendakwa Raya* (Rayuan Jenayah No P-05–86 Tahun 2004) diikut; *Herchun Singh v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 diikut; *Lai Kim Hon v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 dirujuk.

I

(3) Hukuman penjara dua tahun dalam kes ini adalah wajar dan adil memandangkan kesalahan pemalsuan kad kredit adalah serius dan

berleluasa dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Hukuman ini tidak wajar diubah (lihat perenggan 27). *Gek Sing a/l Kaliappan v Public Prosecutor* [1999] 6 MLJ 641 dirujuk.

[English summary

The appellant was found guilty and convicted with an offence under s 474 of the Penal Code ('Code'). He was sentenced to imprisonment for two years and appealed against the conviction and sentence.

Held, dismissing the appeal:

(1) Under s 474 of the Code, the elements that needed to be proved were: (a) the credit card in the possession of the appellant was forged; (b) the appellant had knowledge that it was forged; (c) the credit card was an expensive security; and (d) the appellant intended to use it by deceiving or dishonestly that it was genuine (see para 11).

(2) The trial judge was right in dismissing the appellant's evidence as an afterthought as the evidence was never raised during the prosecution's case. The trial judge was correct and had not erred on facts and law (see para 22 & 26). *Megat Halim Megat Omar v Pendakwa Raya* (Criminal Application No P-05–86 of 2004) followed; *Herchun Singh v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 followed; *Lai Kim Hon v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 referred.

(3) The term of imprisonment of two years in this case was appropriate and fair in view of the offence of credit card forgery was serious and rampant and was adequate for the offence. The sentence ought not to be varied (see para 27). *Gek Sing a/l Kaliappan v Public Prosecutor* [1999] 6 MLJ 641 referred.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai s 474 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1984.

Untuk kes-kes mengenai hukuman secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3284–4160.

Untuk kes-kes mengenai rayuan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3342–3392.

Kes-kes yang dirujuk

Gek Sing a/l Kaliappan v PP [1999] 6 MLJ 641, MT (dirujuk)

Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (diikut)

Lai Kim Hon & Ors v PP (see note at [1980] 2 MLJ X) [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)

Megat Halim Megat Omar v Pendakwa Raya (Rayuan Jenayah No P-05–86 Tahun 2004) (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 474

Rejinder Singh (Rejinder Singh & Associates) bagi pihak pembelaan.

Yong Ann Nee (Mazelan Jamaludin bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Zainal Azman PK:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan daripada perayu, Quah Chong Hoo terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen di mana perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah s 474 Kanun Keseksaaan dan telah dihukum penjara selama dua tahun dari tarikh 14 Disember 2007. Rayuan adalah terhadap perintah sabitan dan hukuman.

[2] Perayu telah dituduh dengan tuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 13.4.2001 jam lebih kurang 2.55 petang di Stesen Minyak Alaf Sejati beralamat Jalan 2/109 dan 3/109F, Taman Danau Desa, Jalan Kelang Lama dalam Daerah Brickfields dalam Kuala Lumpur telah didapati dalam milikan kamu tiga dokumen dengan mengetahui ianya adalah palsu iaitu 3 keping kad kredit seperti berikut:
>
> (a) Sekeping kad kredit Mastercard HSBC No. 5457 8513 0003 9008 atas nama Lee Yan Kit (Tarikh tamat 11/01)
>
> (b) Sekeping kad kredit Mastercard Southern Bank No. 5404 7810 0018 0980 atas nama Teh Heng Hock (tarikh tamat 05/03)
>
> (c) Sekeping kad kredit Visa Hong Kong Bank No. 4544 3368 1901 5473 atas nama Eddy Soh (Tarikh tamat 06/02)
>
> yang merupakan dokumen cagaran berharga seperti yang diperihalkan di bawah seksyen 467 Kanun Keseksaan dengan mengetahui ianya telah dipalsukan dan dengan niat untuk digunakan secara sebagai tulen dan oleh sebab yang sedemikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 474 Kanun Keseksaan.

FAKTA RINGKAS KES

[3] SP1 telah mendapat maklumat bahawa ada sebuah van Toyota putih kerap guna kad kredit palsu untuk mengisi minyak di kawasan Taman Danau Desa, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur. SP1 bersama tiga anggota polis dan dua pegawai MBf Card telah pergi ke tempat berkenaan lebih kurang jam 2.30 petang pada 13 April 2001.

[4] Lebih kurang jam 2.50 petang SP1 nampak sebuah van Toyota warna putih masuk ke Stesen Shell Alaf Sejati Sdn Bhd dan berhenti di satu pam untuk mengisi minyak. Seorang lelaki Cina yang kemudiannya dikenali sebagai perayu telah keluar dari van dan 'swipe' kad untuk mengisi minyak di pam No 7.

[5] Pada masa ini SP2 telah menghampiri perayu dan memperkenalkan diri sebagai polis. Mendengar ini, perayu telah cuba melarikan diri dengan masuk balik ke dalam van dan mengerakkan van tetapi telah terlanggar dengan sebuah kenderaan lain dan menyebabkan van terhenti.

[6] Perayu telah berjaya ditangkap. Hasil pemeriksaan oleh SP2 telah menjumpai satu kotak rokok dari poket sebelah kanan seluar jenis bermuda yang dipakai oleh perayu di mana mengandungi lima keping kad kredit (Visa dan Master) (satu keping kepunyaan HSBC, dua keping kepunyaan Southern Bank dan dua keping kepunyaan Hong Kong Bank) yang disyaki palsu. Selain dari itu, SP2 juga telah mengambil slip dari pam.

[7] Selain dari anggota polis, pihak pendakwaan juga telah memanggil lima orang saksi yang terdiri dari pegawai bank serta wakil Mastercard dan Visa iaitu SP3, SP4, SP5, SP6 dan SP9.

[8] Hasil dari keterangan SP3, SP4, SP5, SP6 dan SP9 mengesahkan bahawa tiga keping kad kredit yang diperolehi dari perayu iaitu P3 (Mastercard kepunyaan HSBC) P4 (Mastercard kepunyaan Southern Bank) dan P7 (Visa kepunyaan Hong Kong Bank) adalah kad palsu.

[9] Dalam keterangan bela dirinya, perayu menafikan bahawa kotak rokok yang berisi kad kredit tersebut yang dijumpai dari poket seluar yang beliau pakai miliknya. Menurut perayu sebelum beliau datang mengisi minyak, beliau makan tengahari bersama rakan-rakan dan beliau tidak pasti kotak rokok siapa yang beliau ambil kerana ada rakan beliau yang lain juga menghisap rokok jenama yang serupa dengan beliau.

[10] Perayu juga menafikan yang beliau mengisi minyak menggunakan kad. Menurut perayu beliau memberi RM30 kepada pekerja stesen minyak untuk isi minyak. Menurut perayu lagi beliau cuba lari sebab takut kerana beliau tidak tahu bahawa orang yang datang ke arah beliau adalah polis. Oleh kerana beliau ada berhutang dengan orang, beliau menyangka lelaki yang datang untuk memukul beliau dan cuba lari. Dalam cubaan untuk lari beliau

terlanggar kereta di hadapan dan kemudian baru dapat ditangkap.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[11] Di bawah s 474 Kanun Keseksaan elemen-elemen yang perlu dibuktikan ialah:

(a) kad kredit tersebut dalam milik perayu dan kad kredit tersebut adalah palsu;

(b) perayu tahu bahawa ianya adalah palsu;

(c) kad kredit tersebut adalah cagaran berharga; dan

(d) perayu berniat untuk menggunakan dengan cara tipuan atau dengan curangnya sebagai tulen.

[12] Berdasarkan kepada keterangan SP1 dan SP2 adalah jelas bahawa kad-kad kredit yang menjadi intipati pertuduhan berada dalam milik perayu semasa dijumpai. SP1 dan SP2 serta dua anggota lain termasuk dua pegawai dari MBf card telah membuat pemerhatian di stesen tersebut. Menurut SP2 lagi semasa van yang dipandu oleh perayu masuk ke stesen minyak dan berhenti di pam No 7, beliau nampak perayu turun dari van, 'swipe' kad di pam dan terus isi minyak. Pada waktu ini SP2 menghampiri lelaki Cina tersebut dan memperkenalkan diri sebagai polis. Setelah perkenalkan diri, perayu cuba lari dengan masuk ke dalam van terus tekan minyak tetapi telah terlanggar kereta di hadapan dan dapat ditangkap. Semasa pemeriksaan badan dilakukan oleh SP2, SP1 turut berada di tempat tersebut dan pada masa tersebut kad kredit yang dimaksudkan dijumpai dalam kotak rokok yang berada dalam poket kanan seluar yang dipakai perayu. Penemuaan ini tidak pernah dicabar oleh peguam perayu semasa pemeriksaan balas ke atas SP2 juga SP1. Perbuatan perayu untuk melarikan diri setelah SP2 memperkenalkan diri sebagai polis juga menunjukkan bahawa perayu telah tahu kesalahan beliau dan adalah sukar untuk mempercayai bahawa perayu lari kerana takut dipukul sebab beliau mempunyai hutang.

[13] Adalah juga satu fakta yang tidak disangkal bahawa kotak rokok di mana kad kredit tersebut dijumpai telah tidak dikemukakan ke mahkamah. Saya memutuskan bahawa ianya bukanlah satu yang material kerana kad kredit P3, P4 dan P7 ini berada dalam kotak rokok tersebut dan dijumpai dari poket seluar perayu. Fakta ini tidak dicabar oleh peguam semasa pemeriksaan balas terhadap SP1 dan SP2. Rantaian keterangan masih tidak terputus kerana kad kredit tersebut dan kotak rokok kedua-duanya ditemui di tempat yang sama iaitu dari poket seluar sebelah kanan yang dipakai perayu.

[14] Satu perkara lagi yang sepatutnya diberikan perhatian ialah bahawa kewujudan kotak rokok ini diakui sendiri oleh perayu semasa memberi keterangan semasa bela diri, cuma perayu menafikan bahawa ianya adalah milik beliau. Oleh itu, kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan kotak rokok tersebut bukanlah satu yang material kerana apa yang menjadi intipati pertuduhan dalam kes ini adalah kad kredit dan ianya telah dikemukakan ke mahkamah.

[15] SP3, SP4, SP5, SP6, SP7 dan SP9 adalah pakar dalam bidang tugas mereka iaitu menyiasat serta biasa memberi keterangan dan keterangan mereka diterima oleh mahkamah. Oleh itu saya berpendapat hakim bicara tidak mempunyai sebarang keraguan untuk menerima keterangan saksi-saksi yang mengatakan bahawa P3, P4 dan P7 adalah kad kredit yang palsu.

[16] Peguambela adalah merujuk keterangan SP5 di ms 40 rekod rayuan yang menyatakan bahawa 'tujuan pakar untuk mengesahkan lebih lanjut mengenai pemeriksaan saya. Keterangan pakar diperlukan untuk mengesahkan keterangan lebih lanjut'. Kenyataan ini adalah merupakan pendapat SP5 sahaja. Merujuk kepada keterangan SP3, SP4, SP6, SP7 dan SP9, keterangan saksi-saksi ini adalah secara jelas menunjukkan bahawa mereka merupakan pakar dalam bidang masing-masing dan keterangan saksi-saksi ini berkait P3, P4 dan P7 telah menyakinkan mahkamah bahawa kad-kad tersebut adalah palsu dan saya berpendapat keterangan pakar lain adalah tidak diperlukan.

[17] Berdasarkan kepada keterangan SP7, eksh P3, P4 dan P7 adalah kad kredit palsu tetapi masih boleh digunakan pada tarikh kejadian iaitu 13 April 2001. Menurut SP7:

(a) P3 yang mempunyai encoded No 4032 6900 0019 8160 — nama Donny Yip — tarikh luput April 2001.

(b) P4 yang mempunyai encoded No 4032 6800 004351 — nama Ronaland Yap — tarikh luput Ogos 2002.

(c) P7 yang mempunyai encoded No 4032 6900 0019 7063 — nama Andy Koh — tarikh luput Julai 2001.

Sebagai kesimpulannya bahawa P3, P4 dan P7 semasa kejadian (13 April 2001) adalah merupakan dokumen cagaran yang berharga.

[18] Fakta secara jelas menunjukkan bahawa kad-kad kredit tersebut dijumpai pada perayu dan ini menunjukkan bahawa perayu mempunyai milikan terhadap kad tersebut. Kesemua kad-kad tersebut mempunyai maklumat yang berbeza. Tindakan perayu yang cuba melarikan diri daripada pihak polis dan 'swipe' kad tersebut di pam minyak menunjukkan perayu

mempunyai pengetahuan bahawa kad tersebut adalah palsu dan mempunyai niat untuk menggunakan kad tersebut sebagai tulen.

[19] Keterangan SP7 (ms 49–50 rekod rayuan) jelas menunjukkan bahawa kad kredit P3 yang dimiliki dan digunakan oleh perayu pada hari kejadian adalah palsu.

> P3 shown to witness and confirmed based on account number embossed on the plastic. The logo is master card. I recorded the account number and examine the card using the reader. I discover the discrepancy of the encoded number against embossed number. The encoded number is Visa card number. The name and expiry date are different. The embossed number is 5457 8513 0003 9008 name Lee Yan Kitt — Expiry November 2001. Encoded number — 4032 6900 0019 8160 name is Donny Yip — expiry April 2001.

[20] Keadaan ini diperkukuhkan lagi oleh eksh P8 (sales slip) (ms 144 rekod rayuan), di mana pada P8 tercatat yang menunjukkan slip ini dikeluarkan oleh Stesen Shell Alaf Sejati pada 13 April 2001 jam 14.51 (2.51 petang) iaitu empat minit sebelum serbuan dibuat oleh pihak polis. Di P8 juga di bahagian 'card no' (walaupun tidak jelas) empat nombor pertama iaitu 4032 dan sembilan nombor terakhir iaitu 000198160 adalah sama dengan encoded No eksh P3 sebagaimana yang dinyatakan oleh SP7. Begitu juga dengan nama (Donny Yip) dan tarikh luput (04/2001) yang tercatat di slip P8 adalah juga sama sebagaimana yang dinyatakan oleh SP7.

[21] Saya memutuskan bahawa P8 yang diambil dari pam oleh SP2 pada hari kejadian adalah bukti yang jelas yang menunjukkan penggunaan kad kredit (P3) oleh perayu pada hari kejadian.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[22] Setelah menelitikan catatan di nota keterangan dan alasan penghakiman yang disediakan, saya dapati keputusan hakim bicara adalah betul untuk menolak keterangan perayu bahawa kotak rokok tersebut bukan miliknya adalah satu 'afterthought' kerana ini tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan.

[23] Merujuk kepada kes *Megat Halim Megat Omar v Pendakwa Raya (Rayuan Jenayah No P-05–86 Tahun 2004)* YA Dato' Abdull Hamid Embong dalam penghakimannya menyatakan, antara lain:

> Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage

during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case. A

[24] Saya juga merujuk kepada kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209 di mana mahkamah menyatakan, antara lain: B

> This view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. C

[25] Begitu juga dalam kes *Lai Kim Hon v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 di mana mahkamah menyatakan: D

> In the final analysis, it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject.

E

[26] Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dan memutuskan keputusan hakim mahkamah sesyen adalah betul dan tidak berlaku kekhilafan baik dari segi fakta mahupun undang-undang.

[27] Seksyen 474 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda. Di dalam kes ini, hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah penjara dua tahun. Hukuman ini bagi saya adalah wajar dan adil memandangkan kesalahan pemalsuan kad kredit adalah serius dan berleluasa dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Oleh itu, hukuman tidak wajar diubah. F G

[28] Merujuk kepada kes *Gek Sing a/l Kaliappan v Public Prosecutor* [1999] 6 MLJ 641. Mahkamah menyatakan, antara lain:

H

> In an appeal on sentence from the subordinate courts, the High Court will not interfere with the sentence imposed, even should it be felt that a higher or lower sentence would be more appropriate, unless it can be shown to its satisfaction that in the circumstances of the particular case, the sentence was manifestly excessive or inadequate or that in fixing the sentence, the subordinate court had failed to adequately consider all relevant factors, either for or against the offender. See *Joginder Singh v Public Prosecutor* [1984] 2 MLJ 133; *Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21 and *Public Prosecutor v Ng Chong Wan*. I

A **[29]** Dengan mengambilkira semua faktor di atas, rayuan perayu akan sabitan dan hukuman adalah ditolak dan keputusan hakim mahkamah sesyen adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak.

B

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon

C

D

E

F

G

H

I